



# KENYATAAN SEBUT HARGA



KERJA-KERJA MEROBOHKAN 13 UNIT RUMAH KHAS JABATAN (KUARTERS KAYU) SERTA  
KERJA-KERJA LAIN BERKAITAN DI TAMAN NEGARA PAHANG KUALA TAHAN, JABATAN  
PERHILITAN SEMENANJUNG MALAYSIA

1. Tawaran adalah dipelawa kepada kontraktor yang berdaftar di **Daerah Jerantut dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dan mempunyai Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) dan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) dalam Gred G1, Kategori B dengan Pengkhususan B26 (Kerja-kerja Meroboh)** untuk perolehan seperti keterangan berikut:

|                               |   |   |
|-------------------------------|---|---|
| No. Sebut Harga               | : | SH 168/2024   |
| Tarikh Pelawaan               | : | 05 Ogos 2024  |
| Tarikh Taklimat/Lawatan Tapak | : | 08 Ogos 2024 (9.00 pagi)  |
| Lokasi Taklimat               | : | Pejabat Penguasa,<br>Taman Negara Pahang Kuala Tahan<br>27000, Jerantut<br>Pahang Darul Makmur  |
| Lokasi Lawatan Tapak          | : | Rumah Khas Jabatan (Kuarters Kayu) di<br>dalam Taman Negara Pahang Kuala Tahan<br><b>(Kos pengangkutan bot ditanggung ke lokasi<br/>projek oleh penyebut harga)</b> |
| Tarikh Tutup Peti             | : | 15 Ogos 2024 (12.00 tengahari)  |
| Lokasi Tutup Peti             | : | Pejabat Penguasa,<br>Taman Negara Pahang Kuala Tahan<br>27000, Jerantut<br>Pahang Darul Makmur  |

2. **Taklimat dan lawatan tapak adalah DIWAJIBKAN.** Kontraktor dikehendaki untuk membawa bersama **sijil asal dan SALINAN** pendaftaran dengan CIDB dan Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) seperti berikut:

- a. Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK);
- b. Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) oleh CIDB; dan
- c. Sijil Taraf Bumiputera (STB) oleh PKK (Sekiranya ada).

3. **HANYA PENAMA DI DALAM PERAKUAN PENDAFTARAN KONTRAKTOR (PPK), SIJIL PEROLEHAN KERJA KERAJAAN (SPKK) OLEH CIDB SAHAJA BOLEH MENGHADIRI TAKLIMAT DAN LAWATAN TAPAK. Syarikat TIDAK DIBENARKAN** mewakili pegawai selain daripada penama dalam siji.
  
4. Dokumen sebut harga boleh diperolehi **pada 08 Ogos 2024 di Pejabat Penguasa Taman Negara Pahang Kuala Tahan hingga 14 Ogos 2024 bermula:-**
  - i. **Isnin hingga Khamis - 9.00 pagi hingga 4.00 petang**
  - ii. **Jumaat - 9.00 pagi hingga 12.00 tengahari**
  
5. Iklan di atas boleh juga dibaca dengan mengunjungi laman web Jabatan PERHILITAN di alamat **<https://www.wildlife.gov.my>**.